



Ruj. Tuan:  
Ruj. Kami: KKM.600-28/2/2 Jld. 2 (59 )  
Tarikh: 17 Oktober 2018

## SEPERTI SENARAI EDARAN

*yBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,*

### **PELAKSANAAN GARIS PANDUAN *PERIOPERATIVE MORTALITY REVIEW (POMR): PRIORITISATION OF CASES FOR EMERGENCY AND ELECTIVE SURGERY (2nd REVISION) 2018***

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan *Guidelines on the Prioritisation of Cases for Elective and Emergency Surgery*; Ruj: (11) dlm. KKM 87 (454/19), Bhg. 5 bertarikh 12 Ogos 1996 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana maklum, *Perioperative Mortality Review (POMR)* telah dilaksanakan di 71 buah hospital berpakar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sejak tahun 1990 lagi. Ianya adalah bertujuan untuk memastikan kualiti perkhidmatan dan penjagaan perawatan pesakit yang menjalani pembedahan adalah mengikut piawaian yang telah digariskan oleh KKM. Di samping itu, ia juga bagi mengenal pasti kekangan yang dihadapi dalam penjagaan pesakit pembedahan agar langkah-langkah penambahbaikan dapat dilaksanakan.

3. Sehubungan itu, dalam memastikan kesinambungan penyampaian perawatan yang efisien bagi pesakit yang memerlukan pembedahan di hospital berpakar KKM, semakan ke atas Garis Panduan ini adalah sejajar dengan dengan peningkatan kes-kes pembedahan di fasiliti KKM sejak tiga tahun kebelakangan ini. Menurut *Ministry of Health HIMS Report 2014-2016*, dilaporkan peningkatan kes-kes pembedahan adalah di dalam lingkungan 4.3% setiap tahun dan ini meliputi kes pembedahan kecemasan dan juga kes pembedahan elektif.

4. Oleh yang demikian, semakan Garis Panduan ini adalah bagi memenuhi keperluan pengurusan dan juga penggunaan dewan bedah yang lebih sistematik bagi kes-kes kecemasan mengikut keutamaan kes dan juga sebagai asas kepada penjadualan kes-kes pembedahan elektif. Semakan Garis Panduan ini adalah melibatkan Ketua Perkhidmatan Kebangsaan bagi setiap *surgical-based discipline* yang telah menyenaraikan senarai pembedahan kecemasan dan elektif bagi disiplin masing-masing mengikut keperluan semasa perkhidmatan dan ianya bersesuaian dengan amalan yang diterima pakai di peringkat antarabangsa.

5. Sebarang maklumat lanjut, YBhg. Datuk / Dato' / Datin/ Tuan/ Puan boleh berhubung dengan Penyelaras POMR di Unit Audit Klinikal, Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan (u.p **Dr. Faizah bt Muhamad Zin/ Dr. Paa Mohamed Nazir**) di talian **03-88831210/ 1180**; atau **e-mel: cau.mdd@moh.gov.my**. Semoga dengan pelaksanaan Garis Panduan ini, pesakit memperoleh manfaat yang sewajarnya dalam usaha kita memastikan penyampaian penjagaan kesihatan yang berkualiti pada setiap masa. Segala kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato' / Datin/ Tuan/ Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

*Yang Ikhlas,*

  
(**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**)

## **SENARAI EDARAN**

Ketua Perkhidmatan *General Surgery*

Ketua Perkhidmatan *Paediatric Surgery*

Ketua Perkhidmatan *Cardiothoracic Surgery*

Ketua Perkhidmatan *Urology*

Ketua Perkhidmatan *Obstretic & Gynaecology*

Ketua Perkhidmatan *Orthopaedic*

Ketua Perkhidmatan *Ophthalmology*

Ketua Perkhidmatan *Otolaryngology*

Ketua Perkhidmatan *Neurosurgical*

Ketua Perkhidmatan *Breast & Endocrine Surgery*

Ketua Perkhidmatan *Vascular Surgery*

Ketua Perkhidmatan *Plastic & Reconstructive Surgery*

Ketua Perkhidmatan *Hepatobiliary Surgery*

Ketua Perkhidmatan *Colorectal Surgery*

Ketua Perkhidmatan *Upper Gastrointestinal Surgery*

Ketua Perkhidmatan *Burns & Trauma Surgery*

Ketua Perkhidmatan *Thoracic Surgery*

Ketua Perkhidmatan *Anaesthesia*

Pengerusi *National POMR Committee*

## **SENARAI EDARAN**

Pengarah  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Putrajaya

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri

Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah  
Institut Kanser Negara